

UMS rangkul empat emas, dua perak

► Sempena 'International Invention, Innovation & Technology Exhibition' (ITEX) 2019

Oleh YAP SIONG HAN

PARA penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) sekali lagi menunjukkan pencapaian membanggakan apabila berjaya merangkul empat pingat emas dan dua perak menerusi penyertaan dalam 'International Invention, Innovation & Technology Exhibition' (ITEX) 2019.

Pingat-pingat itu diperoleh melalui penyertaan enam penyelidikan dalam pameran itu yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Penyelidik yang telah menyumbangkan pingat emas ialah Prof Madya

Dr Rayner Alfred dari Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) melalui inovasi bertajuk 'RTFaceDeep: A Real Time Multiple Faces Recognition for Video Surveillance Using a Deep Learning Architecture'.

Berasal dari fakulti yang sama, pingat emas kedua pula diperoleh melalui Prof Madya Dr Ng Giap Weng dengan inovasi bertajuk 'DeColourAR: An Augmented Reality Colouring Book for UMS Aquarium and Marine Museum'.

Turut meraih emas ialah Prof Madya Dr Md Shafiquzzaman Siddiquee (Institut Penyelidikan Bioteknologi UMS) dengan tajuk penyelidikan 'ALPHAMATE™: Pet

Food As A Solution for Food Wastes Management in Kota Kinabalu Prison Centre, Sabah, Malaysia' dan Dr Chee Fuei Pien dari Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) melalui penyelidikan bertajuk 'AIRMATE: Integrated Real Time Particulate Matter Measuring Instrument for Micro Environment Monitoring'.

Sementara itu, Prof Madya Dr Md Shafiquzzaman turut meraih kejayaan berganda apabila penyelidikan beliau yang bertajuk 'Trichogreen™: Biofungicide Formulated from Food Waste' dinobatkan sebagai penerima pingat perak.

Pingat perak selebihnya disumbangkan seorang lagi

penyelidik dari FKI, Prof Madya Dr Ng Giap Weng melalui inovasi bertajuk 'An Interactive Augmented Reality Smart e-Learning System on Technical Vocational Education and Training (TVET) in Malaysia using Augmented Reality'.

Pameran pertandingan inovasi dan teknologi bertaraf antarabangsa itu adalah pameran tahunan anjuran Malaysian Invention and Design Society (MINDS).

Lebih 1,000 reka cipta dari pelbagai universiti, badan korporat serta individu dari beberapa negara ASEAN dan Asia seperti Australia, Korea dan Taiwan dipamerkan pada ITEX kali ke-30 itu.



PENERIMA pingat emas UMS (darikiri) Chee, Shafiquzzaman, Rayner dan Ng merakamkan gambar kenangan.